



KELAB SUKAN & REKREASI KAKITANGAN
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK SEBUT HARGA

**KSRK.01/2025 – SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI
MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA
PELABUHAN BINTULU**

Tarikh Iklan : 23.9.2025

Tarikh Tutup : 06.10.2025 Jam 12.00 Tengahari

Kelayakan Penyebut Harga : Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera Tempatan yang Bermaustatin di Bintulu bagi Penyediaan Makanan Bermasak Islam (HALAL).

**KELAB SUKAN & REKREASI
KAKITANGAN LPB
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

ISI KANDUNGAN



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Satu (1) set Dokumen Pelawaaan Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

Jadual 1

BIL	PERKARA			Catatan
1	Senarai Semak Penghantaran Dokumen Sebut Harga			Bahagian ini hendaklah diisi dan dilengkapi oleh Penyebutharga
2	Notis Sebut harga			Makluman & Perhatian Penyebut harga
3	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga			
4	Lampiran A	-	Spesifikasi Bekalan	
5	Lampiran A1	-	Contoh perjanjian Perkhidmatan Sewa Kafeteria	
6	Lampiran A2	-	Garis panduan Perlaksanaan <i>Vendor Vending Machine</i>	
7	Lampiran A3		Garis Panduan Kafeteria Sihat	
	Bahagian A			
1	Lampiran B1	-	Tawaran Harga Makanan dan Minuman Yang Dijual di Kantin Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB)	Lampiran B1,B2,D,E,F&G dan H perlu diisi dan dilengkapi oleh Penyebutharga seperti di dalam jadual perenggan 5.0 Arahan kepada Penyebut harga
	Lampiran B1		Tawaran Harga Makanan bagi Perkhidmatan Katering (Bayaran Secara LO)	
2	Lampiran C	-	Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah	
3	Lampiran D	-	Keterangan Mengenai Syarikat	
4	Lampiran E	-	Surat Akuan Pembida	

BIL	PERKARA			Catatan
5	Lampiran F	-	Surat Perwakilan Kuasa	
6	Lampiran G	-	Pengalaman Syarikat	
	Bahagian B			
1	Lampiran I	-	Penyata bank / salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini	Penyebut harga hendaklah melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan seperti perenggan 6.2 Arahan Kepada Penyebut harga mengikut turutan lampiran I Sehingga Lampiran III yang telah disediakan
2	Lampiran II	-	Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau lesen menjalankan perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan ; dan	
3	Lampiran III	-	Satu (1) set Profil Syarikat	

Nota: Penyebut harga hendaklah mengemukakan satu Set Dokumen Pelawaan Sebut harga di Jadual 1 dalam sampul Tawaran

SENARAI SEMAK PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

**SENARAI SEMAKAN
PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

Tandakan (☒) - Jika dokumen disertakan di ruangan yang berkenaan dan masukkan lampiran-lampiran yang berkenaan MENGIKUT TURUTAN di dalam sampul tawaran.

Bil.	Perkara/Dokumen (Dimasukkan ke dalam sampul Tawaran)	Untuk Di Tanda Oleh Syarikat	Untuk Di Tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
A	Borang Sebut harga Lampiran B1 & B2,D,E,F,G perlu diisi dan dilengkapi Oleh Penyebut harga seperti di dalam Jadual perenggan 5.0 Arahan kepada Penyebut harga		
1	Senarai Semakan Penghantaran Dokumen Sebut Harga	☐	☐
2	Lampiran B1 - Tawaran Harga Makanan dan Minuman Yang Dijual di Kantin Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB)	☐	☐
3	Lampiran B2 - Tawaran Harga Makanan bagi Perkhidmatan Katering (Bayaran Secara LO)	☐	☐
5	Lampiran C - Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah	Tidak berkenaan	
6	Lampiran D - Keterangan Mengenai Syarikat	☐	☐
7	Lampiran E - Surat Akuan Pembida	☐	☐
8	Lampiran F - Surat Perwakilan Kuasa	☐	☐
9	Lampiran G - Pengalaman Syarikat	☐	☐
B	Penyebut harga hendaklah melampirkan dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 6.2 Arahan Kepada Penyebut harga mengikut Lampiran disediakan		
1	Lampiran I - Penyata bank / salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini	☐	☐
2	Lampiran II - Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau lesen menjalankan perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan ; dan	☐	☐
3	Lampiran III - Satu (1) set Profil Syarikat	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Cop Syarikat:

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).

Tandatangan Pembuka I:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Tandatangan Pembuka II:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

NOTIS SEBUT HARGA



**KELAB SUKAN & REKREASI KAKITANGAN
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan seperti berikut:-

NO. KOD DAN TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH & MASA TUTUP	PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI	KELAYAKAN
KSRK.01/2025 – SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU	23 September 2025	6 Oktober 2025 Jam 12.00 Tengahari	Kontraktor adalah dikehendaki untuk memeriksa ruang kantin pada 30hb September 2025 pada jam 9.30 pagi bertempat di Aras Lantai, Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Jalan Tanjung Kidurong, 97007 Bintulu, Sarawak. Pegawai untuk dihubungi:- Cik Jennifer Samin di Talian 086-232802 atau emel jennifer @bpa.gov.my	Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera Tempatan yang Bermaustatin di Bintulu bagi Penyediaan Makanan Bermasak Islam (HALAL).

1. **Dokumen Sebut Harga** boleh diperolehi mulai **23.09.2025** melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) di alamat www.bpa.gov.my.
2. **LPB** tidak menyediakan salinan *hardcopy* **Dokumen Sebut Harga** tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga daripada laman web yang disediakan. Sebarang kos percetakan dan penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.



**KELAB SUKAN & REKREASI KAKITANGAN
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

NOTIS SEBUT HARGA

3. Kegagalan penyebut harga mematuhi arahan kepada penyebut harga yang dilampirkan bersama Dokumen Sebut Harga boleh menyebabkan tawaran/ sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.
4. Pihak **LPB** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.
5. Penyebut harga adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti di bawah:-
 - 6.1 Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen-dokumen sebut harga dikepilkan dengan kemas dan teratur. Pihak **LPB** tidak bertanggungjawab di atas kehilangan sebarang dokumen; dan
 - 6.2 Borang Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan tertutup dengan ditulis Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan Tarikh Tutup di sebelah atas kiri sampul dan dihantar ke alamat seperti berikut:-

**PENGERUSI KELAB SUKAN & REKREASI KAKITANGAN LPB
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

6. Sampul yang lengkap hendaklah dihantarseperti di alamat di atas sebelum atau pada 6 Oktober 2025 jam 12.00 tengahari.
7. **Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada penyebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Kelab Sukan & Rekreasi (KSRK) Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) dan penyebut harga. Penyebut harga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini sebelum dan semasa melengkapkan Dokumen Sebut harga.

2.0 KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **Bumiputera Tempatan yang Bermaustatin di Bintulu bagi Penyediaan Makanan Bermasak Islam (HALAL).**

3.0 TEMPOH KONTRAK

3.1 Tempoh kontrak adalah selama **dua (2) tahun** dari tarikh Arahan Mula Kerja;

4.0 SKOP BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA

Skop kerja dan spesifikasi teknikal adalah seperti di **Lampiran A.**

5.0 DOKUMEN PENYEBUT HARGA

Satu (1) set Dokuman Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

BIL.	PERKARA
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga
2	Lampiran A Spesifikasi Bekalan Lampiran A1 Contoh Perjanjian Perkhidmatan Sewa Kantin Lampiran A2 Garis Panduan Perlaksanaan <i>Vending Machine</i> Lampiran A3 Garis Panduan Kafeteria Sihat
3	TAWARAN KEWANGAN Lampiran B1 Tawaran Harga Makanan dan Minuman Yang dijual di Kantin Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) Lampiran B2 Tawaran Harga Makanan bagi Perkhidmatan Katering (Bayaran Secara LO) Lampiran C Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah Lampiran D Keterangan Mengenai Syarikat

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

BIL.	PERKARA
	Lampiran E Surat Akuan Pembida
	Lampiran F Surat Perwakilan Kuasa
	Lampiran G Pengalaman Syarikat

6.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

- 6.1. Penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebut harga untuk melaksanakan projek yang disebut harga, di samping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu, keupayaan sebut harga akan dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja, kakitangan/ pekerja dan prestasi kerja semasa penyebut harga.
- 6.2. Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harga yang dikemukakan:-
- (a) Penyata bank / salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini
 - (b) Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM) atau lesen menjalankan perniagaan Pihak Berkuasa Tempatan ; dan
 - (c) Satu (1) set Profil Syarikat.

7.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 7.1 Dokumen Sebut harga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **perenggan 5.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 7.2**.
- 7.2 Dokumen Sebut harga hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai 'Asal' atau '*Original*' manakala dokumen salinan dicop sebagai 'Salinan' atau '*Duplicate*'.
- 7.3 Para penyebut harga **HANYA DIBENARKAN** menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para penyebut harga **DILARANG SAMA SEKALI** menandakan/ meletakkan apa-apa nama dan/ atau tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/ identiti penyebut harga di dalam satu (1) dokumen salinan tersebut.

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

- 7.4 Kedua-dua salinan Dokumen sebut harga yang telah sempurna tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut :-

**SEBUT HARGA NO. : KSRK.01/2025 – SEBUT HARGA PERKHIDMATAN
SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI
MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyebut harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga dan dialamatkan kepada:-

**PENGERUSI KELAB SUKAN & REKREASI KAKITANGAN LPB
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 06hb Oktober 2025. Mana-mana Sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- 7.5 Sebut harga menggunakan telegraf atau telek atau faks adalah tidak diterima sama sekali.
- 7.6 KSRK LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
- 7.7 KSRK LPB tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh penyebut harga semasa menyedia dan menghantar sebut harga.

8.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Sebut harga yang telah diterima daripada penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh KSRK LPB dalam tempoh ini.

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

9.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 9.1. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 9.2. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 9.3. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- 9.4. Mana-mana kontraktor atau Penyebut harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

10.0 INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 10.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida (Lampiran E)** bahawa penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran F)** menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak KSRK LPB bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.
- 10.2 Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak KSRK LPB juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

11.0 HARGA TAWARAN

- 11.1. Harga Tawaran penyebut harga hendaklah diisi dalam **Lampiran B1 dan B2** Sebut harga ini. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan sebut harga No.KSRK.01/2025 – **Sebut Harga Perkhidmatan Sewaan Kafeteria Bagi Membekal Makanan Bermasak Islam Di Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu.**
- 11.2. Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan **KECUALI** atas persetujuan kedua-dua pihak.
- 11.3. Ringkasan Harga Tawaran / *Bill Of Quantity* hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto” atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 11.4. Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “Tidak Berkenaan”.

12.0 PEMBUKAAN SEBUT HARGA

KSRK LPB berhak untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat mengenai setiap Sebut harga yang telah dibuka.

13.0 INTERPRETASI DOKUMEN

Jika terdapat keraguan ke atas maksud sebenar mana-mana bahagian daripada Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, tetapi tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum tarikh penutupan Sebut harga, memaklumkan kepada KSRK LPB dan meminta penjelasannya mengenai keraguan tersebut sebelum mengemukakan Sebut harga. Interpretasi atau penjelasan ke atas Dokumen Sebut harga hanyalah sah jika ianya dibuat menerusi addenda yang dikeluarkan secara formal oleh KSRK LPB seperti dijelas dalam perkara 15 di bawah.

14.0 ADDENDA

Addenda mungkin dikeluarkan sebelum tarikh tutup Sebut harga untuk menjelaskan maksud Dokumen Sebut harga ataupun untuk membuat perubahan ke atas syarat kontrak. Setiap

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

addenda akan diedarkan kepada semua penyebut harga dan akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga. Penerimaan setiap addenda mestilah disahkan. Kegagalan untuk mengesahkan penerimaan setiap addenda akan mengakibatkan Sebut harga ditolak.

15.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-

15.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga

- i) Menarik diri
- ii) Pakatan harga
- iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
- iv) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga
- v) Menerima dan memberi rasuah

15.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Kontrak

- i) Lewat menyiapkan kerja
- ii) Tidak menepati spesifikasi
- iii) "Sub Kontrak" tanpa persetujuan KSRK LPB
- iv) Menerima dan memberi rasuah

15.3 Jenis-Jenis Tindakan/ Hukuman

- i) Amaran
- ii) Denda
- iii) Penamatan kontrak
- iv) Batal tajuk pendaftaran
- v) Gantung pendaftaran
- vi) Senarai hitam syarikat
- vii) Merampas bon pelaksanaan

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

**16.0 HAK KSRK LPB APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG DILAKSANAKAN
TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

16.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, KSRK LPB boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara berikut:-

16.1.1 menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta penyebut harga menggantikan bekalan/ perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh KSRK LPB. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa yang ditentukan, KSRK LPB boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan penyebut harga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada KSRK LPB;

16.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan;

16.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan, jika ada; dan

16.1.4 mengenakan denda sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima seperti berikut:-

Jumlah Nilai Perolehan	Denda
Sehingga RM20,000.00	0.1 % daripada nilai perolehan
RM20,000.00 – RM199,999.99	
RM200,000.00 ke atas	

bagi setiap hari kelewatan (*calendar days*).

17.0 SURAT SETUJU TERIMA

17.1 KSRK LPB adalah berhak menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. KSRK LPB tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.

17.2 Keputusan KSRK LPB adalah muktamad. KSRK LPB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga-penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.

17.3 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan KSRK LPB sekiranya ada dan adalah terikat dengan syarat-

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Sekiranya tiada dokumen perjanjian disediakan, dengan penerimaan Surat Setuju Terima oleh penyebut harga, maka suatu ikatan Kontrak telah terwujud antara penyebut harga dan KSRK LPB.

18.0 TAWARAN ALTERNATIF, SYARAT DAN KEPERLUAN

Penyebut harga hendaklah mengikuti dengan sepenuhnya kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Sebut harga kecuali terdapat addenda-addenda yang dikeluarkan oleh KSRK LPB. Oleh yang demikian, penyebut harga adalah dilarang sama sekali untuk membuat apa-apa perubahan di dalam Dokumen Sebut harga dan Lampiran-Lampiran yang disertakan bersama sebut harga ini.

Jika penyebut harga ingin menetapkan terma, syarat atau keperluannya sendiri yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah terlebih dahulu menyiap dan mengemukakan sebut harganya yang lengkap yang mengikuti sepenuhnya kehendak-kehendak dalam Dokumen Sebut harga. Selepas itu, barulah penyebut harga menetapkan terma, syarat dan keperluannya yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga dalam surat depan semasa mengemukakan sebut harga, dan juga menyatakan dengan jelas akan kesan oleh terma, syarat dan keperluan yang ditetapkan itu ke atas Sebut harga ini jika KSRK LPB menerima terma, syarat dan keperluan tersebut.

19.0 DOKUMEN ADALAH SULIT

Semua Dokumen Sebut harga adalah dianggap sulit dan persendirian.

20.0 BANTAHAN KE ATAS SPESIFIKASI SEBUT HARGA

- 20.1 Penyebut harga adalah dibenarkan untuk membuat bantahan secara bertulis kepada KSRK LPB dan disalinkan kepada Perbendaharaan sekiranya ia mendapati spesifikasi sebut harga menjurus kepada sesuatu jenama.
- 20.2 Bantahan tersebut beserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada KSRK LPB dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Dokumen Sebut harga mula dikeluarkan.
- 20.3 Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

21.0 PEMATUHAN KEPADA KEHENDAK UNDANG-UNDANG

- 21.1 Penyebut harga adalah bertanggungjawab untuk mematuhi semua kehendak undang-undang, akta-akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa semasa mengisi dan menghantar sebut harga ini yang berkaitan dengan keselamatan (SOCISO), Perintah Gaji Minimum, Akta Imigresen dan akta lain-lain yang berkaitan.
- 21.2 Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyembunyi atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya seperti mana yang dinyatakan dalam **Perkara 16 : Perlanggaran Syarat-Syarat Tender / Kontrak bawah Syarat-Syarat Am Sebut harga.**

LAMPIRAN A1: Skop kerja Dan Spesifikasi Teknikal

SPESIFIKASI BEKALAN
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

1.0 SKOP KERJA

Sebutharga ini adalah bertujuan untuk menyediakan **PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK ISLAM** di Kafeteria LPB, Aras LPB, Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu bagi tempoh dua (2) tahun bermula daripada tarikh lantikan.

2.0 SYARAT MENGENAI PERKHIDMATAN

Penyebutharga dikehendaki mematuhi syarat-syarat pembekalan perkhidmatan kantin sihat di Menara Kidurong seperti yang terkandung dalam contoh Perjanjian Perkhidmatan Sewa Kantin di Menara Kidurong seperti di **Lampiran A1**.

3.0 BAYARAN SEWA

Kontraktor adalah dikehendaki membayar kepada KSRK LPB sejumlah **Ringgit Malaysia: Lima Ratus (RM 500.00) sebulan** sebagai bayaran sewaan terhadap premis kantin berkaitan pada setiap satu haribulan melalui Cek/Bank Draf/Transaksi Online atas nama **KELAB SUKAN & REKREASI (KSRK) LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (LPB)**.

Kontraktor adalah digalakkan untuk membuka 2-3 lot gerai lain untuk disewakan. Penyebutharga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap gerai yang disewa dan memastikan gerai-gerai tersebut mematuhi peraturan dan perjanjian yang ditetapkan antara kontraktor yang dilantik dengan pihak KSRK.

4.0 CAJ LKTRIK DAN AIR

Caj untuk penggunaan letrik dan air adalah ditanggung oleh pihak kontraktor.

5.0 DENDA KELEWATAN BAYAR SEWA

Bahawa jika mana-mana sewaan tersebut atau apa-apa bayaran lain tidak dijelaskan kepada KSRK LPB selama tujuh (7) hari selepas tarikh ia kena dibayar (sama ada dituntut secara rasmi atau tidak) denda sebanyak 10% dari jumlah tunggakan akan dikenakan.

SPESIFIKASI BEKALAN
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

6.0 LAIN – LAIN SYARAT

6.1 Kontraktor adalah dikehendaki untuk memeriksa ruang kantin untuk memastikan perkhidmatan yang diperlukan sebelum mengisi borang pada 18hb September 2025 pada jam 9.30 pagi bertempat di Aras Lantai, Menara Kidurong, Lembaga Pelabuhan Bintulu, Jalan Tanjung Kidurong, 97007 Bintulu, Sarawak.

6.2 Kontraktor **DILARANG SAMA SEKALI** menjual bahan-bahan yang **TIDAK HALAL**, bahan-bahan yang telah tamat tarikh luput dan yang dilarang penjualannya oleh Kerajaan. Makanan ringan, minuman berkarbonat, rokok dan sebarang hasil tembakau juga **DILARANG SAMA SEKALI** penjualannya di kafeteria.

6.3 Senarai Bahan yang dijual mestilah mematuhi senarai produk minuman dan makanan sihat yang dibenarkan ADALAH seperti yang terkandung di dalam:-

6.3.1 Garis Panduan Pelaksanaan Mesin Layan Diri (Vending Machine) Minuman dan Makanan Sihat dalam Perkhidmatan Awam 2011; dan

6.3.2 Garis Panduan Penilaian Kafeteria Sihat Kementerian Kesihatan Malaysia Edisi Kedua 2016.

Sila rujuk **Lampiran A2 & A3**.

6.4 Bermula pada tahun 2019, LPB telah memulakan kempen menghindari penggunaan plastik sekali guna semasa mesyuarat, majlis rasmi serta program LPB seperti berikut:-

6.4.1 menggantikan botol minuman plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air;

6.4.2 menggantikan pembalut plastik (plastic wrap) di piring / pinggan / mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula;

6.4.3 tidak menyediakan piring / pinggan / mangkuk / cawan / kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik; dan

6.4.4 menyediakan water dispenser untuk kemudahan isian semula.

SPESIFIKASI BEKALAN
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

- 6.5** Harga-harga barangan jualan dan tanda harga hendaklah dipamerkan dengan jelas di tempat yang strategik dan mudah di lihat oleh pelanggan. Sebarang kenaikan harga makanan dan minuman tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kelulusan secara bertulis dari pihak berwajib.
- 6.6** Urusniaga hanya dibenarkan di dalam ruangan Kafeteria sahaja. Ruangan kafeteria mestilah dalam keadaan sihat, bersih dan bebas dari sebarang aktiviti pencemaran alam seperti merokok dan sebagainya.
- 6.7** Kontraktor perlu mengemukakan cadangan menu mengikut kategori seperti berikut: Menu Tempatan / Menu *Western* / Menu vegetarian atau mana-mana menu yang berkonsepkan **menu sihat**.
- 6.8** Kontraktor adalah dikehendaki menyediakan perkhidmatan makanan semasa mesyuarat atau majlis rasmi mengikut Panduan Penyediaan Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat. Namun begitu pihak Lembaga Pelabuhan Bintulu sentiasa mempunyai hak untuk membuat pesanan perkhidmatan makanan selain daripada Pengusaha Kantin Sihat yang sedia ada.
- 6.9** Kontraktor yang berjaya adalah digalakkan untuk menambahkan kepelbagaian dalam perkhidmatan dengan menambahkan perkhidmatan kantin sihat berkonsepkan "*food stalls*".
- 6.10** Sekiranya kontraktor disenaraipendekkan untuk ditawarkan sebutharga ini, KSRK LPB berhak untuk mengarahkan kontraktor mengemukakan beberapa sampel makanan untuk dicuba. Semua perbelanjaan untuk menyediakan sampel makanan ini adalah ditanggung oleh kontraktor.
- 6.11** Sekiranya kontraktor menolak tawaran atau enggan menandatangani perjanjian selepas tawarannya diterima atau pun menarik balik tawarannya sebelum keputusan dibuat, kontraktor boleh dikenakan tindakan senarai hitam untuk tempoh 3 tahun.

7.0 TEMPOH PERLANJUTAN

Kontraktor boleh memohon perlanjutan tempoh kontrak selama **satu (1) tahun lagi** dan KSRK LPB boleh dengan budi bicaranya samada hendak melanjutkan atau tidak tempoh tersebut.

SPESIFIKASI BEKALAN
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

8.0 CAGARAN PRESTASI

Kontraktor hendaklah pada tarikh kontrak ini ditandatangani, menyerahkan deposit dalam bentuk tunai yang bernilai Ringgit Malaysia: **Tiga Ribu (RM 1,500.00)** yang merupakan **tiga (3) bulan** kadar sewaan premis kantin tersebut kepada pihak KSRK LPB. Deposit tersebut akan dibayar balik kepada Kontraktor apabila tamat perjanjian ini, setelah dibayar olehnya atau setelah ditolak semua wang yang masih terhutang kepada KSRK LPB dan setelah melepaskan segala tanggungannya di bawah kontrak ini.

9.0 INSURANS

9.1 Kontraktor hendaklah menerima tanggungan dan hendaklah menanggung rugi KSRK LPB terhadap apa-apa tanggungan, tuntutan atau prosiding:-

9.1.1 mengenai kecederaan diri atau kematian mana-mana orang; atau

9.1.2 mengenai kerosakan terhadap apa-apa harta dalam apa jua bentuk sekalipun atau yang dipunyai oleh sesiapaapun, jika ia disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan atau keingkaran sengaja oleh Kontraktor yang mana kecederaan, kematian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh atau berbangkit daripada atau dalam masa Kontraktor melaksanakan atau menjalankan Perkhidmatan di bawah Kontrak ini.

9.2 Kontraktor dengan perbelanjaannya sendiri hendaklah mengambil suatu polisi insurans yang diperakui iaitu Insurans Tanggungan Awam, Insurans Pampasan Pekerja dan polisi-polisi lain yang difikirkan perlu dan diminta oleh KSRK LPB.

LAMPIRAN A1: Contoh Perjanjian Perkhidmatan Sewa Kantin

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

**CONTOH PERJANJIAN
PERKHIDMATAN SEWA KANTIN DI MENARA KIDURONG
BANGUNAN IBU PEJABAT, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

PERJANJIAN INI dibuat pada diantara **KELAB SUKAN & REKREASI (KSRK) LEMBAGA PELABUHAN BINTULU (LPB)** sebuah Persatuan Berdaftar yang ditubuhkan dibawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang beralamat Lot 15, Blok 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97007 Bintulu (kemudian daripada ini disebut “**KSRK**”) sebagai satu pihak danyang beralamat (kemudian daripada ini disebut sebagai “Kontraktor”) sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA LPB telah menubuh berbagai-bagai pejabat di premis yang dikenali sebagai MENARA KIDURONG, BANGUNAN IBU PEJABAT, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, JALAN TANJUNG KIDURONG, 97007 BINTULU, SARAWAK (kemudian daripada ini disebut “Premis”) dan telah mengasingkan sebahagian daripada premis itu untuk digunakan sebagai kantin (kemudian daripada ini disebut “Kantin”).

DAN BAHAWASANYA KSRK LPB telah bersetuju untuk memberi hak eksklusif bagi penyajian makanan halal di premis itu kepada Kontraktor dan Kontraktor telah bersetuju menerima hak itu tertakluk kepada syarat-syarat kontrak ini.

MAKA DENGAN INI DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:

- | | |
|---------------------------|---|
| Tempoh | 1.0 Kontrak ini adalah berkuatkuasa mulai 01 November 2025 sehingga 31 Oktober 2027. |
| Tempoh Percubaan | 2.0 Pihak kontraktor akan dinilai dalam masa enam (6) bulan Untuk menentukan tahap kepatuhan kepada perjanjian ini. Kontraktor juga akan dinilai dari segi kualiti makanan dan kebersihan premis. Kegagalan memenuhi keperluan-keperluan diatas akan menyebabkan kontrak ini ditamatkan dengan dua (2) bulan notis. KSRK LPB akan menyediakan borang maklumbalas kepada pelanggan-pelanggan premis kantin dan penilaian kontraktor premis kantin adalah berdasarkan kepada maklumbalas ini. |
| Tempoh Perlanjutan | 3.0 Kontraktor boleh memohon perlanjutan tempoh kontrak selama satu (1) tahun lagi dan KSRK LPB boleh dengan budi bicaranya samada hendak melanjutkan atau tidak tempoh tersebut. |

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

Hak Menduduki Premis Kantin	4.0 Sepanjang tempoh berkuatkuasanya kontrak ini, Kontraktor adalah tertakluk kepada syarat – syarat perjanjian seperti berikut:- 4.1 Memasuk dan menggunakan premis kantin tersebut; 4.2 Menggunakan segala kemudahan, perabot serta peralatan yang telah disediakan oleh pihak LPB sepertimana di dalam Jadual I; dan 4.3 Bergerak secara bebas di dalam premis kantin atau mana- mana bahagian bangunan tertakluk kepada syarat-syarat keselamatan oleh pihak LPB.
Caj Letrik Dan Air	5.0 Caj untuk penggunaan letrik dan air adalah ditanggung oleh pihak Kontraktor.
Cagaran Prestasi	6.0 Kontraktor hendaklah pada tarikh kontrak ini ditandatangani, menyerahkan deposit dalam bentuk tunai yang bernilai Ringgit Malaysia: Tiga Ribu (RM1,500.00) yang merupakan tiga (3) bulan kadar sewaan premis kantin tersebut kepada pihak KSRK LPB. Deposit tersebut akan dibayar balik kepada Kontraktor apabila tamat perjanjian ini, setelah dibayar olehnya atau setelah ditolak semua wang yang masih terhutang kepada KSRK LPB dan setelah melepaskan segala tanggungannya di bawah kontrak ini.
Bayaran Sewa	7.0 7.1 Kontraktor adalah dikehendaki membayar kepada LPB sejumlah Ringgit Malaysia: Lima Ratus (RM5,00.00) sebulan sebagai bayaran sewaan terhadap premis kantin berkaitan pada setiap satu haribulan melalui Cek/Bank Draf atas nama KELAB SUKAN & REKREASI (KSRK) di alamat Lembaga Pelabuhan Bintulu, Lot 15, Blok 20, Kemena Land District, 12th Mile, Jalan Tanjung Kidurong, 97007 Bintulu. 7.2 Bahawa jika mana-mana sewaan tersebut atau apa-apa bayaran lain tidak dijelaskan kepada KSRK LPB selama tujuh (7) hari selepas tarikh ia kena dibayar (sama ada dituntut secara rasmi atau tidak) denda sebanyak 10% dari jumlah tunggakan akan dikenakan.
Bayaran Lesen	8.0 Adalah menjadi tanggungjawab pihak Kontraktor menguruskan sendiri segala pembayaran kadar cukai, lesen perniagaan, pembuangan sampah serta bayaran-bayaran lain yang dikenakan ke atas setiap kemudahan yang disediakan di dalam atau berkaitan dengan premis kantin berkenaan.

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

Insurans	9.0 9.1 Kontraktor hendaklah menerima tanggungan dan hendaklah menanggung rugi KSRK LPB terhadap apa-apa tanggungan, tuntutan atau prosiding:- 9.1.1 mengenai kecederaan diri atau kematian mana-mana orang; atau 9.1.2 mengenai kerosakan terhadap apa-apa harta dalam apa jua bentuk sekalipun atau yang dipunyai oleh sesiapaapun, jika ia disebabkan oleh kecuaian atau perbuatan atau keingkaran sengaja oleh Kontraktor yang mana kecederaan, kematian atau kerosakan tersebut disebabkan oleh atau berbangkit daripada atau dalam masa Kontraktor melaksanakan atau menjalankan Perkhidmatan di bawah Kontrak ini. 9.2 Kontraktor dengan perbelanjaannya sendiri hendaklah mengambil suatu polisi insurans yang diperakui iaitu Insurans Tanggungan Awam, Insurans Pampasan Pekerja dan polisi-polisi lain yang difikirkan perlu dan diminta oleh KSRK LPB. Satu salinan polisi insurans berkenaan hendaklah diserahkan kepada KSRK LPB.
Waktu Perkhidmatan Peniagaan	10.0 Untuk mewujudkan dan menjalankan suatu kantin di atas perbelanjaan sendiri, kontraktor adalah dengan ini dibenarkan berurusan bagi kemudahan para pelanggannya di dalam premis kantin berkenaan menurut waktu-waktu berikut :- Isnin – Jumaat 7.00 pagi – 5.00 petang Sabtu 7.00 pagi – 1.00 petang (Kecuali hari Ahad dan CUTI UMUM)
Hak Perjanjian	11.0 11.1 Pihak Kontraktor adalah diberi hak oleh KSRK LPB menjual segala makanan dan minuman seperti di Lampiran A menurut waktu yang telah ditetapkan di Klausula 10.0 di atas kepada para pelanggannya. 11.2 Bagi tujuan Klausula 11.1 pihak Kontraktor hendaklah memastikan bahawa segala undang-undang semasa termasuk mana-mana arahan tambahan yang boleh diberi oleh KSRK LPB mengenai penjualan makanan dan minuman dipatuhi dengan tepat, baik dari segi kebersihan, perlesenan mahupun kehalalannya.

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

- 11.3 Pihak kontraktor dikehendaki mempamerkan senarai harga makanan dan minuman jualannya seperti yang telah dipersetujui oleh KSRK LPB di tempat yang terang dan mudah dilihat bagi kemudahan para pelanggannya.
- 11.4 Pihak kontraktor mestilah beragama Islam dan wajib mempunyai Sijil Halal daripada Jabatan Agama Islam (JAIS).
- 11.5 Penjualan minuman keras serta segala makanan-makanan haram adalah dilarang sama sekali.
- Pengambilan Pekerja** 12.0 12.1 Pihak Kontraktor hendaklah mengadakan suatu perkhidmatan urusniaga yang baik dan efektif bagi tujuan ini, pihak Kontraktor adalah sentiasa bertanggungjawab memastikan jumlah minima pekerja dan kakitangan seperti berikut :-
- Juruwang (1)
 - Penyaji Makanan (4)
 - Pembantu Dapur (2)
 - Pencuci Pinggan Mangkuk (2)
 - Tukang Cuci/*Cleaners* (2)
- 12.2 Pihak Kontraktor, di dalam mematuhi peruntukan di Klausula 12.1 di atas, hendaklah melantik para pekerjaanya di atas perbelanjaannya sendiri, tertakluk kepada prosidur dan polisi KSRK LPB serta peruntukan undang-undang semasa.
- 12.3 Tanpa menyentuh Klausula 12.2 di atas, antara syarat-syarat yang harus dipatuhi oleh pihak Kontraktor di dalam pemilihan serta perlantikan para pekerjaanya adalah seperti berikut :-
- (a) Mempunyai kad pengenalan berwarna biru;
 - (b) Mempunyai rekod yang baik dan bersih;
 - (c) Telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan telah disahkan sebagai berkeadaan sihat.
 - (d) Mempunyai budi pekerti yang baik, berinisiatif tinggi serta rajin berusaha; dan

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

- (e) Sanggup menerima teguran serta menjalani latihan mempertingkatkan lagi mutu pekerjaan jika difikirkan perlu.
- (f) Memastikan tukang masak adalah beragama Islam.

KSRK LPB akan memaklumkan kepada Kontraktor syarat-syarat lain yang difikirkan perlu dari masa ke semasa.

12.4 Pihak Kontraktor hendaklah sentiasa memberi latihan serta kursus yang mencukupi kepada para pekerjaanya mengenai etika perkhidmatan, layanan yang sempurna, cekap dan menyenangkan para pelanggannya.

12.5 Suatu senarai lengkap mengenai kakitangan dan pekerja hendaklah dikemukakan oleh pihak kontraktor kepada pihak KSRK LPB setiap enam (6) bulan sekali yang mengandungi nama, alamat, tarikh lahir, nombor kad pengenalan dan jenis pangajian samada tetap/sementara beserta syarat-syarat kelayakan masing-masing.

12.6 Pihak Kontraktor hendaklah sentiasa memastikan bahawa perkhidmatan serta layanan yang diberikan adalah penuh berdisiplin, bersopan santun dan cekap.

12.7 Pihak KSRK LPB sentiasa terlindung oleh Kontraktor. Oleh itu, tiada bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak bagi apa-apa tuntutan untuk mendapatkan upahan dan/atau gantirugi yang timbul dari mana-mana pemberhentian oleh pihak Kontraktor terhadap mana-mana pekerjaanya.

Pakaian Seragam

13.0 13.1 Bagi kemudahan pengenalan, pihak Kontraktor adalah dikehendaki untuk menyediakan pakaian seragam yang lengkap bagi para pekerjaanya.

13.2 Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai dan berada di dalam keadaan baik dan bersih setiap hari.

Kelengkapan Kantin

14.0 14.1 Pihak Kontraktor hendaklah sentiasa memastikan

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

segala peralatan dan perabot di dalam keadaan baik dan bersih dan mencukupi.

14.2 Pihak Kontraktor adalah sentiasa bertanggungjawab memastikan serta menjamin apa-apa kerosakan yang berlaku terhadap premis kantin berkenaan serta segala peralatan dan perabot LPB akan diperbaiki secepat mungkin.

14.3 Pihak Kontraktor hendaklah sentiasa memastikan bahawa segala kerusi serta meja makan di dalam premis kantin berkenaan berkeadaan kemas dan bersih setiap masa bagi kesenangan para pelanggannya.

14.4 Pihak Kontraktor adalah sentiasa bertanggungjawab memastikan serta mengekalkan premis kantin ini berkeadaan kemas, bersih dan baik setiap masa untuk penggunaan serta keselesaan para pelanggannya.

14.5 Kontraktor adalah bertanggungjawab memastikan semua paip, longkang, basin, sinki dan water closets (sekiranya ada) dalam premis kantin sentiasa berada dalam keadaan baik dan bersih.

14.6 Semua peralatan, lekapan, pinggan mangkuk, sudu, garpu dan lain-lain samada disediakan oleh LPB atau tidak sentiasa berada dalam keadaan baik dan bersih.

**Penyerahan
Kelengkapan**

15.0 15.1 Kontraktor hendaklah menyerahkan balik dalam keadaan baik dan boleh diduduki bangunan kantin beserta dengan kelengkapan dan perabot LPB apabila tamatnya kontrak.

15.2 Di dalam berbuat demikian, Kontraktor hendaklah memastikan dan berpuashati bahawa segala peralatan dan perabot pihak LPB serta premis tersebut berkeadaan baik seperti asalnya melainkan jika sifatnya berubah kerana penggunaan harian semata-mata dan tiada sebab lain.

Larangan Serah Hak

16.0 16.1 Kontraktor tidak boleh menyerah hak, menyewa atau menyerah apa-apa hakmilik bangunan kantin atau mana-mana bahagiannya, perabot, kelengkapan tanpa

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

persetujuan secara bertulis daripada KSRK LPB.

- | | | |
|----------------------------------|------|--|
| 17.0 | 17.1 | Kontraktor tidak dibenarkan menggunakan premis kantin ini, atau membiarkan digunakan premis ini atau mana-mana bahagiannya bagi maksud lain daripada perniagaan seperti ditetapkan di dalam perjanjian ini, kecuali dengan mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada KSRK LPB. |
| | 17.2 | Bahawa Kontraktor tidak boleh dalam apa jua hal keadaan diberikan menurut perjanjian ini untuk bertindak atau mengemukakan dirinya dengan apa jua cara sebagai agen KSRK LPB bagi apa-apa juga maksud. |
| | 17.3 | Bahawa KSRK LPB tidak boleh dalam apa jua hal keadaan bertanggungjawab kepada Kontraktor atas apa-apa hutang oleh mana-mana pelanggan kepada Kontraktor dan juga tidak menjadi kewajipan KSRK LPB untuk membantu Kontraktor mengutip hutang-hutang tersebut. |
| | 17.4 | Bahawa apabila kehendak-kehendak yang diperihalkan dalam Perjanjian ini tidak ditunai dengan memuaskan hati oleh Kontraktor, maka KSRK LPB boleh meminta bantuan luar menjalankan apa-apa pembaikan yang perlu atau kerja-kerja membaiki dan kos yang dialami oleh KSRK LPB hendaklah dibayar sepenuhnya oleh Kontraktor sama ada melalui cara bayaran secara langsung oleh Kontraktor atau dipotong daripada deposit yang akan dibayar balik kepada Kontraktor yang disimpan dengan KSRK LPB. |
| Premis Kantin | 18.0 | Kontraktor tidak boleh merosakkan, memotong atau mencatitkan mana-mana dinding atau lantai atau mana-mana bahagian bangunan kantin dan juga tanpa persetujuan secara bertulis daripada KSRK LPB, membuat apa-apa perubahan ke atas susunan bahagian dalam atau rupa di luar bangunan kantin. |
| Pemeriksaan Premis Kantin | 19.0 | Pihak KSRK LPB sentiasa mempunyai hak kebebasan keluar masuk bagi tujuan pemeriksaan premis kantin ini pada bila-bila masa yang difikirkan bersesuaian di mana kontraktor :- |
| | 19.1 | Tidak boleh membuat atau membenarkan dibuat di dalam atau di sekitar bangunan kantin apa-apa jua yang mungkin menimbulkan kacau ganggu, kegusaran atau |

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

kegangguan, kepada pelanggan-pelanggan atau lain-lain penghuni premis tersebut.

- 19.2 Tidak boleh mempamerkan apa-apa bentuk iklan atau apa-apa pertandaan perniagaan di sebelah luar kecuali papan namanya dari bentuk dan sifat yang akan diluluskan oleh KSRK LPB dipintu masuk ke bangunan kantin itu disuatu tempat yang akan dinyatakan dan disediakan oleh KSRK LPB.

Force Majeure 20.0 KSRK LPB dan atau Kontraktor tidak bertanggungjawab bagi sebarang tindakan, ketinggalan atau kegagalan dalam memenuhi kehendak kontrak ini jika tindakan, ketinggalan atau kegagalan ini timbul daripada keadaan-keadaan rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya lain yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak.

Penamatan Kontrak 21.0 21.1 Dengan memberi notis dalam masa 14 hari secara bertulis kepada Kontraktor, KSRK LPB boleh menamatkan kontrak ini :-

21.1.1 Jika sekiranya Kontraktor didapati melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat dalam dalam kontrak ini; atau

21.1.2 Kontraktor telah diisytiharkan sebagai seorang bankrap oleh Mahkamah; atau

21.1.3 Kontraktor adalah sebuah syarikat yang mana satu perintah pergulungan telah dibuat terhadapnya di Mahkamah; atau

21.1.4 Berlaku bencana alam yang diluar dugaan seperti yang terkandung di Klausula 20.

21.2 Berlaku bencana alam yang diluar dugaan seperti yang terkandung di Klausula 20.

Penamatan Kontrak Secara Bersama 22.0 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana- mana pihak memberi kepada pihak yang satu lagi sekurang-kurangnya dua (2) bulan notis secara bertulis tentang tujuannya hendak menamatkan kontrak ini.

Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian 23.0 23.1 Apa-apa hal, pertikaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkenaan dengan Perjanjian ini hendaklah diselesai secara baik oleh kedua-dua pihak.

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

- | | | |
|--|------|---|
| | 23.2 | Jika hal, pertikaian atau tuntutan tersebut tidak dapat diselesaikan secara baik oleh pihak-pihak yang terlibat, maka hal, pertikaian atau tuntutan tersebut boleh dirujuk oleh mana-mana pihak kepada Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian yang dianggotai oleh; |
| | (a) | Seorang (1) wakil (Ketua Setiausaha Kementerian/ KetuaPengarah/ Pengarah) sebagai pengerusi bebas yang dilantik secara persetujuan bersama oleh pihak-pihak; |
| | (b) | seorang (1) wakil yang dilantik daripada Lembaga; dan |
| | (c) | seorang (1) wakil yang dilantik daripada Kontraktor |
| | 23.3 | Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tersebut hendaklah menentukan prosedurnya sendiri. Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tersebut hendaklah bermesyuarat dan berusaha sedaya upaya untuk mencapai penyelesaian yang sebaik-baiknya di atas perkara yang dirujuk kepadanya. |
| | 23.4 | Setiap ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian termasuk Pengerusi memegang satu undi. Sebarang keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tersebut adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak yang terlibat. |
| Timbangtara | 24.0 | 24.1 Jika hal, pertikaian atau tuntutan yang dirujuk Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian tersebut tidak dapat diselesaikan secara baik oleh pihak-pihak, mana-mana pihak boleh merujuk hal, pertikaian atau tuntutan tersebut kepada timbang tara dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian membuat keputusan. |
| | 24.2 | Seorang penimbangtara yang akan dilantik oleh kedua-dua pihak, dan pengemukaan dan penimbangtara itu hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Timbangtara 2005. |
| Meninggalkan Premis Kantin Apabila Tamat Perjanjian | 25.0 | Kontraktor hendaklah apabila tamat perjanjian ini sama ada di bawah Klausa 21 atau 22 mengosongkan premis kantin ini dengan serta-merta atau dalam satu tempoh masa yang dipersetujui oleh KSRK LPB. |

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

Kebersihan Kantin	26.0	26.1	Kontraktor hendaklah menjaga premis kantin dengan bersih dan dikehendaki membuat "General Cleaning" setiap 3 kali seminggu (Isnin, Rabu dan Jumaat) di antara jam 1545 - 1700.
		26.2	Pihak Kontraktor adalah dibenarkan menggunakan kemudahan gas bagi tujuan memasak.
		26.3	KSRK LPB berhak dan bebas mendapatkan khidmat Pihak Berkuasa Tempatan (Lembaga Kemajuan Bintulu atau Jabatan Kesihatan) untuk menjalankan pemeriksaan kebersihan dan mengredkan tahap kebersihan premis kantin.
		26.4	Kontraktor hendaklah memastikan tahap kebersihan premis kantin sentiasa berada pada tahap tertinggi iaitu Gred A di sepanjang tempoh kontrak. Sekiranya tahap kebersihan premis kurang daripada Gred A, KSRK LPB boleh mengenakan tindakan seperti berikut:- (a) KSRK LPB mengambil khidmat bantuan dari luar untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan kosnya ditanggung oleh Kontraktor; atau (b) Memendekkan tempoh perkhidmatan kontraktor; atau (c) Menamatkan perkhidmatan kontraktor dengan serta-merta.
		26.5	Sampah- sarap hendaklah dibuang dengan menggunakan beg plastik sampah dan dimasukkan ke dalam tong sampah berpenutup dan sesuai yang disediakan sendiri oleh Kontraktor.
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kerosakan Kantin	27.0		Peralatan / item rosak yang mana kos penyelenggaraan/ peralatan ganti tidak melebihi RM1,000.00 adalah di bawah tanggungan pihak Kontraktor, termasuk tetapi tidak terhad kepada peralatan/item seperti berikut:-
		27.1	Kerosakan pada pemanas makanan;
		27.2	Kebocoran paip/paip tersumbat;
		27.3	Kerosakan eletrik;
		27.4	Kerosakan kerusi/meja;
		27.5	Kerosakan pada peralatan memasak; dan

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

	27.6	Kerosakan pada saluran air.
Kesalahan Rasuah	28.0	28.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009(Akta 694). 28.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009(Akta 694). 28.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak yang terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009(Akta 694). 28.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dilaksanakan atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan yang diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009(Akta 694).
Duti Setem	29.0	Apa-apa duti setem yang mesti dibayar berhubung dengan kontrak ini akan ditanggung oleh Kontraktor.
Alamat Surat Menyurat	30.0	Semua surat-menyurat dan nombor yang boleh dihubungi mengenai kontrak ini adalah seperti di bawah :-
	30.1	<u>Bagi pihak KSRK LPB</u> Pengerusi KSRK Lembaga Pelabuhan Bintulu Peti Surat Box 296 97007, Bintulu, Sarawak

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

Tel : 086-232800

30.2 Bagi pihak Kontraktor

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka masing-masing pada hari, bulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

**Untuk dan Bagi Pihak
KSRK LPB**

)
)

.....

Pengerusi

Disaksikan oleh:

)

Nama:

)

.....

Timbalan Pengerusi

Jawatan: Setiausaha

)

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN KAFETERIA BAGI MEMBEKAL MAKANAN
BERMASAK ISLAM DI MENARA KIDURONG, LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

Cop Jabatan:.....)

Untuk dan Bagi Pihak)

Kontraktor)

Disaksikan oleh:)

Nama:)

Jawatan:)

Cop Jabatan:.....)

LAMPIRAN A2: Garis Panduan Pelaksanaan Vending Machine



NSPNCD
NATIONAL STRATEGIC PLAN FOR NON-COMMUNICABLE DISEASE

Garis Panduan Pelaksanaan
MESIN LAYAN DIRI (*Vending Machine*)

Minuman dan Makanan Sihat dalam Perkhidmatan Awam



NCD PREVENTION AND CONTROL

Garis Panduan Pelaksanaan

MESIN LAYAN DIRI (*Vending Machine*)

Minuman dan Makanan Sihat dalam Perkhidmatan Awam



NCD PREVENTION AND CONTROL



© Kementerian Kesihatan Malaysia 2011

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa jua bentuk atau alat mekanikal atau elektronik kecuali setelah mendapat kebenaran daripada penerbit.

Edisi Pertama 2011

Diterbit, dicetak dan diedarkan oleh:
Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
Tel: 603-8883 4145 Faks: 603-8888 6277
Laman web: <http://www.moh.gov.my>

ISBN 978-967-967-0399-01-0

Isi Kandungan

1.0	Pengenalan	05
2.0	Objektif	05
3.0	Skop Pelaksanaan Garis Panduan	05 - 10

1.0 Pengenalan

Masalah obesiti dan NCD banyak ditentukan oleh gaya hidup yang tidak sihat, seperti kurang bersenam, amalan pemakanan yang tidak sihat, tabiat merokok dan lain-lain. Persekitaran yang tidak menyokong ke arah gaya hidup sihat juga mempengaruhi amalan dan gaya hidup masyarakat yang menyumbang kepada peningkatan masalah obesiti. Ini termasuklah kewujudan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) menjual makanan atau minuman yang dikategorikan sebagai “*sugary, energy-dense* dan *non-nutritive*” (tidak sihat), serta ianya mudah didapati di fasiliti-fasiliti kerajaan.

Selaras dengan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit NCD (*National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases* atau NSP-NCD) yang telah dirangka oleh KKM bagi menangani masalah obesiti dan NCD di Malaysia, pelaksanaan peraturan dan polisi sentiasa diberi penekanan supaya persekitaran yang menyokong ke arah gaya hidup sihat dapat diwujudkan. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam penjagaan kesihatan seluruh rakyat Malaysia, pelaksanaan ini akan menjadi contoh yang baik kepada pelbagai kementerian kerajaan dan NGO, bagi menyediakan pilihan yang lebih sihat kepada pekerja, pelanggan dan orang awam. Ini akan menyokong kepada perubahan gaya hidup masyarakat dengan meningkatkan kesedaran dan amalan penjagaan kesihatan serta pencegahan obesiti.

2.0 Objektif

Sebagai panduan kepada Ketua Jabatan yang menyediakan perkhidmatan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) minuman dan makanan di fasiliti mereka, bagi memastikan penyediaan minuman dan makanan yang dijual adalah sihat dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

3.0 Skop Pelaksanaan Garis Panduan

- 3.1 Dokumen ini boleh digunapakai di semua fasiliti kerajaan yang menyediakan perkhidmatan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) minuman dan makanan.
- 3.2 Garis panduan ini menggariskan dua komponen berikut, iaitu:
 - i. Produk Minuman dan Makanan Sihat bagi Mesin Layan Diri (*Vending Machine*)
 - ii. Peraturan Peletakan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) Minuman dan Makanan

3.3 Produk Minuman dan Makanan Sihat bagi Mesin Layan Diri (*Vending Machine*)

Produk minuman dan makanan yang dibenarkan dijual dalam Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) adalah yang dikategorikan rendah gula, rendah lemak, rendah garam, tinggi serat, tiada gula tambahan atau gula tiruan, tiada bahan pengawet dan tiada pewarna. Senarai produk adalah seperti di bawah. Senarai ini perlu diberikan perhatian semasa penyediaan kontrak di antara Ketua Jabatan dan pihak syarikat. Ketua Jabatan juga perlu memastikan pihak syarikat memaparkan kalori makanan atau minuman yang dijual dengan jelas pada mesin.

MINUMAN

1. Air mineral berbungkus
2. Air minuman berbungkus
3. Semua jenis susu UHT
4. Semua produk minuman sedia diminum (kecuali susu) yang dilabel 'rendah gula'^a atau 'bebas gula'^a
5. Semua minuman berbancuh (kecuali susu) yang 'rendah lemak' (≤ 1.5 g bagi setiap 100 ml) atau 'bebas lemak'; dan 'rendah gula' (≤ 2.5 g bagi setiap 100 ml) atau 'bebas gula'^a

Nota: Semua minuman berkarbonat adalah **tidak dibenarkan** walaupun dilabel sebagai rendah kalori

MAKANAN

1. Makanan bijirin tersedia^b yang mengandungi 'whole grain'
2. Buah-buahan kering^c tanpa tambahan gula, glukosa, gliserol, sorbitol atau sakarin; dan tidak mengandungi bahan pengawet atau pewarna
3. Kekacang dan bijian yang dipanggang dan dilabel 'rendah gula'^a atau 'rendah garam'^a
4. Semua jenis makanan konfeksi tepung^d yang dilabel 'tinggi serat'^a, 'tinggi vitamin'^a atau 'tinggi mineral'^a
5. Semua jenis makanan konfeksi tepung^d yang dilabel 'rendah lemak'^a, 'rendah gula'^a atau 'rendah garam'^a
6. Semua jenis makanan yang dikategorikan sebagai 'berkhasiat'^e berdasarkan Peraturan 18(8) di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985

Nota: Semua makanan yang berkrim atau bersalut gula adalah **tidak dibenarkan**

Rujukan:

- a Peraturan 18c Akuan Kandungan Nutrien di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985 – Jadual Kelima A, Daftar I dan Daftar II
- b Peraturan 64 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- c Peraturan 226 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- d Peraturan 135 di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985
- e Peraturan 18(8) di dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985

Malaysian Dietary Guidelines 2010

3.4 Peraturan Peletakan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) Minuman dan Makanan (Peraturan Lokasi, Pengurusan Kebersihan dan Sampah)

Peletakan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) mestilah mematuhi **Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Bab 6 (Perkara 53-55).**

- i. Pemasangan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan atau Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air

Perkara

53. (1) Pemunya atau pengendali sesuatu Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan atau Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air hendaklah, sebelum memasang mesin itu di mana-mana tempat, mematuhi kehendak yang berikut:
- (a) nama dan alamat berdaftarnya dilabelkan pada Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan atau Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu;
 - (b) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan atau Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu diletakkan di kawasan yang sesuai bagi melindungi hasil di dalam mesin daripada apa-apa pencemaran;
 - (c) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan atau Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu dikekalkan bersih dan sanitasi;
 - (d) ruang di sekeliling dan di bawah Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan dan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu mudah dicapai untuk dicuci dan tidak menjadi tempat bersarang perosak; dan
 - (e) lantai di mana Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan atau Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu dimaksudkan untuk dipasang, diperbuat daripada bahan rata tidak telap air yang mudah dicuci dan dapat tahan cucian dan sentalan yang berulang-ulang.

- (2) Mana-mana pemunya atau pengendali Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan atau Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

ii. Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan

Perkara

54. (1) Pemunya dan pengendali Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan hendaklah mematuhi kehendak berikut:
- (a) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan itu kekal berfungsi dan berkeadaan baik;
 - (b) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan itu kekal dalam keadaan bersih dan sanitasi dan bebas daripada perosak;
 - (c) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan itu digunakan secara eksklusif untuk penjualan makanan;
 - (d) kawasan persekitaran di mana Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan itu ditempatkan dikekalkan bersih, kemas dan bebas daripada perosak;
 - (e) bekas sampah:
 - (i) disediakan secukupnya berhampiran dengan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan itu;
 - (ii) adalah dari jenis tutup sendiri, mudah alih dan tahan bocor;
 - (iii) dilabel sewajarnya; dan
 - (iv) dikosongkan apabila penuh atau sekurang-kurangnya sekali sehari dan hendaklah dicuci dan dibersihkan setelah ia kosong.
 - (f) rak atau kotak yang sesuai disediakan berhampiran Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan bagi bekas atau botol guna semula;
 - (g) semua makanan atau perkakas pakai buang atau barang yang hendak digunakan dalam Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan ketika penghantaran serah dan semasa dalam penyimpanan sebelum digunakan adalah dilindungi pada setiap masa daripada debu, perosak dan apa-apa pencemaran yang lain;
 - (h) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan yang mendispens makanan yang mudah rosak dilengkapi dengan peranti kawalan suhu bagi memastikan makanan itu dikekalkan pada suhu yang sesuai;
 - (i) semua makanan yang mudah rosak didispens dalam bekas atau individu asal;
 - (j) semua susu atau hasil susu bendalir didispenskan dalam bekas individu asal;

- (k) semua bekas boleh guna semula dan bahagian Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan yang bersentuh secara langsung dengan makanan dialihkan daripada mesin itu dan dicuci sebersih-bersihnya setiap hari;
 - (l) muncung Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan di mana makanan didispenskan, jika terpakai, dilindungi setiap masa daripada debu, perosak atau apa-apa pencemaran yang lain; dan
 - (m) ketuhar gelombang mikro yang digunakan bersama-sama dengan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan:
 - (i) dibersihkan kaviti dan tubir pintunya sekurang-kurang sekali sehari dengan pencuci bukan pelepas; dan
 - (ii) dikekalkan bebas daripada longgokan gris yang menjadi kerak dan pencemaran yang lain.
- (2) Mana-mana pemunya atau pengendali Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) makanan yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

iii. Mesin Layan Diri (*vending machine*) air

Perkara

55. (1) Pemunya atau pengendali Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:
- (a) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu direka bentuk dan dibina bagi memudahkan pembersihan dan penyelenggaraan bagi semua permukaan luar dan dalam;
 - (b) semua bahagian dan permukaan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu yang bersentuhan dengan air diperbuat daripada bahan yang diluluskan, tahan kakisan dan tidak telap yang boleh tahan pembersihan dan rawatan sanitasi yang berulang-ulang;
 - (c) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu mempunyai muncung pendispens tahan kakisan yang berelung atau teradang;
 - (d) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu direka bentuk mengikut cara supaya semua rawatan ke bahagian air yang dijual melalui penyulingan, pertukaran ion, penurasan, cahaya ultraunggu, osmosis berbalik, penambahan mineral atau apa-apa proses lain yang diterima dapat dilakukan dengan cara yang berkesan;
 - (e) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu mempunyai sistem yang berkesan bagi mengendalikan titisan, tumpahan atau limpahan air;
 - (f) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu mempunyai peranti pencegahan aliran balik bagi semua sambungan dengan bekalan air;

- (g) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu yang mendispens air dinyahjangkitkan melalui pengozonan atau kaedah lain yang diluluskan oleh Pengarah;
 - (h) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu dilengkapi peranti pemantau yang direka untuk menghentikan operasi mesin itu apabila unit penyahjangkitan gagal berfungsi, atau dipantau setiap hari dari mula dan ditutup secara manual apabila unit itu gagal berfungsi;
 - (i) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu dilengkapi pintu tutup sendiri dan dipasang kemas pada bahagian pendispens atau penutup muncung pendispens untuk melindungi muncung pendispens bila masa Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air tidak digunakan;
 - (j) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu dikekalkan dalam keadaan bersih dan sanitasi, bebas daripada kotoran dan perosak; dan
 - (k) Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air itu menggunakan bekalan air awam yang diluluskan.
- (2) Mana-mana pemunya atau pengendali Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) air yang tidak mematuhi subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

3.5 Pengiklanan sebarang produk minuman dan makanan pada permukaan Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) mestilah produk yang dijual di dalam Mesin Layan Diri (*Vending Machine*) tersebut sahaja.

978-967-967-0399-01-0



9 789670 399010

LAMPIRAN A4: Garis Panduan Kafeteria Sihat



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN

PENILAIAN PENGIKTIRAFAN

KAFETERIA SIHAT

EDISI KEDUA

2016



GARIS PANDUAN PENILAIAN PENGIKTIRAFAN KAFETERIA SIHAT

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1	PENDAHULUAN	1
2	TUJUAN GARIS PANDUAN	1
3	DEFINISI KAFETERIA SIHAT	2
4	KONSEP KAFETERIA SIHAT	2
5	OBJEKTIF KAFETERIA SIHAT	
	i. Objektif Am	2
	ii. Objektif Khusus	3
6	KOMPONEN PENILAIAN KAFETERIA SIHAT	3
7	KRITERIA ASAS HIDANGAN SIHAT	3
8	KAWALAN KUALITI	7
9	SENARAI MAKANAN / MINUMAN YANG DIGALAKKAN, TIDAK DIGALAKKAN DAN DILARANG UNTUK DIJUAL	7-8
10	KRITERIA PENARIKAN BALIK	9
11	PERANAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	9
12	PERANAN DAN TANGGUNG JAWAB PENGUSAHA KAFETERIA	10
13	CARTA ALIR PENGIKTIRAFAN	11
	Rujukan	14
	Lampiran	
	Ahli Jawatankuasa Teknikal & Pengiktirafan Kafeteria Sihat Kebangsaan	15
	Ahli Jawatankuasa Kafeteria Sihat Negeri	16
	Alamat & No. Telefon Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri	17-19
	Borang KS/1KKM-Borang Permohonan Pengiktirafan Kafeteria Sihat	21-23
	Borang KS/2KKM-Borang Penilaian/ Pemantauan Kafeteria Sihat	24-33



PENDAHULUAN



Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan pelbagai aktiviti promosi pemakanan yang bertujuan mendidik masyarakat mempraktikkan amalan makan secara sihat. Amalan ini merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam membentuk masyarakat yang sihat dan dapat menyumbang kepada produktiviti negara.

Walau bagaimanapun, gaya hidup masyarakat yang semakin moden menyebabkan promosi makan secara sihat menjadi semakin mencabar, dan memerlukan pelbagai strategi dan pendekatan bagi meningkatkan keberkesannya. Faktor masa dan tuntutan kerja telah mendorong masyarakat mendapatkan lebih banyak makanan “sedia-dimakan” (*ready-to-eat*) di pasaraya-pasaraya. Kekurangan kafeteria atau restoran yang menawarkan pilihan makanan yang berkhasiat, bersih dan selamat merupakan salah satu factor yang menghalang masyarakat mengamalkan makan secara sihat. Oleh itu, penubuhan Kafeteria Sihat merupakan salah satu strategi yang dapat membantu menyediakan persekitaran yang menyokong masyarakat bagi mengamalkan makan secara sihat. Ianya juga merupakan usaha kerajaan bagi menggalakkan pengusaha makanan menyediakan makanan yang berkhasiat, bersih dan selamat kepada pelanggan, dengan memberi keutamaan kepada keselesaan dan kebersihan premis.



TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan membantu pengusaha makanan memahami konsep, objektif dan kaedah pelaksanaan Kafeteria Sihat.

Garis panduan ini hendaklah digunakan bersama-sama dengan:

- i. Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan, 1985
- ii. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan, 2009
- iii. Garis Panduan Amalan Pengilangan Yang Baik (Good Manufacturing Process, GMP)
- iv. Garis Panduan Mass Katering, 2011
- v. Panduan Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat Edisi Kedua, 2011
- vi. Garis Panduan Dapur Sihat Masyarakat, 2006



DEFINISI KAFETERIA SIHAT

Kafeteria Sihat ialah premis yang menyediakan, menghidang dan menjual makanan/ atau minuman yang berkhasiat, bersih dan selamat di dalam bangunan kekal yang mematuhi prinsip amalan kebersihan yang baik. Kafeteria Sihat juga mempromosikan prinsip amalan makan secara sihat.



KONSEP KAFETERIA SIHAT

Kafeteria Sihat berkonsepkan Pusat Hentiaip Setempat (*One Stop Center*) yang menyediakan makanan yang berkhasiat, bersih dan selamat, berasaskan prinsip makan secara sihat. Di samping itu, Kafeteria Sihat juga boleh dibangun sebagai tempat bagi promosi dan latihan pemakanan yang menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pembelajaran secara *participative* dan *hands-on*. Kafeteria Sihat menggunakan konsep kerjasama pintar di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan pengusaha makanan.

Ciri-ciri berikut terdapat di dalam Kafeteria Sihat:

- i) Menyediakan pilihan menu yang sihat
- ii) Sentiasa mematuhi standard (piawaian) keselamatan dan kualiti makanan.
- iii) Tidak menjual rokok dan melarang pelanggan merokok



OBJEKTIF KAFETERIA SIHAT

5.1 Objektif Am

Untuk meningkatkan kualiti makanan dan promosi pemakanan sihat di kafeteria melalui satu sistem penilaian Kafeteria Sihat.



5.2 Objektif Khusus

- i. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengusaha kafeteria dalam penyediaan hidangan sihat dan selamat.
- ii. Untuk memastikan penyediaan makanan yang berkhasiat berpandukan Panduan Diet Malaysia dan Saranan Pengambilan Makanan Harian (RNI)
- iii. Untuk memastikan penyediaan makanan yang selamat berpandukan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009.
- iv. Untuk meningkatkan kebolehdapatan pilihan makanan sihat dan selamat kepada pengguna.
- v. Untuk memberi pengiktirafan kepada kafeteria yang memenuhi kriteria Kafeteria Sihat.
- vi. Untuk menggalakkan kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan pengusaha makanan di dalam mempromosi makanan yang sihat dan selamat.



KOMPONEN PENILAIAN KAFETERIA SIHAT

- i. Mematuhi kriteria asas hidangan sihat.
- ii. Mempamer dan memaparkan maklumat pemakanan.
- iii. Menjalankan aktiviti promosi makanan secara sihat di premis.
- iv. Mematuhi prinsip Amalan Pengilang Yang Baik (GMP).
- v. Tidak menjual rokok atau tidak menyediakan kemudahan merokok.
- vi. Mendapatkan pensijilan HALAL (digalakkan).



KRITERIA ASAS HIDANGAN SIHAT

KATEGORI MAKANAN/ MINUMAN	PILIHAN HIDANGAN	KRITERIA HIDANGAN
Nasi,Mi,roti, Bijirin,Produk Bijirin & Ubi - Ubian	1. Roti,capati,tosei, atau roti nan 2. Bijirin sarapan atau oat 3. Pasta, mee, meehoon atau kuetiau. 4. Nasi beras putih atau beras perang.	1. Mempunyai sekurang - kurangnya 2 pilihan hidangan daripada kumpulan bijirin 2. Menghidangkan sekurang - kurangnya 1 sumber tinggi serat (roti bijirin penuh, capati, nasi beras perang dan oat). 3. Jika tidak menyediakan makanan sumber serat sebagai pilihan hidangan, sekurang-kurangnya 1 Hidangan kekacang (seperti dhal dan kacang kuda) perlu disediakan.

Melaksanakan penyediaan hidangan sihat berdasarkan kriteria asas berikut:

KATEGORI MAKANAN/ MINUMAN	PILIHAN HIDANGAN	KRITERIA HIDANGAN
Sayur-sayuran	1. Sayur rebus, tumis atau sup. 2. Ulam atau salad sayur-sayuran 3. Buah-buahan 4. Salad Buah 5. Jus buah atau sayur 100% 6. Sos pasta berasaskan tomato 7. Topping berasaskan sayur-sayuran untuk sayur.	1. Menghidangkan sekurang – kurangnya 3 jenis sayur- sayuran tidak termasuk sayurhiasan, sayuran yang digoreng deep fried ,sup sayuran berkrim(seperti sup cendawan berkrim) serta salad yang telah dicampur dengan dressing seperti petis, mayones atau thousand island) 2. Tiada atau hanya 1 sayuran bersantan dihidangkan.
Buah – buahan	-	1. Menghidangkan sekurang-kurangnya 2 jenis buah-buahan segar. 2. Asingkan garam, serbuk asam. Petis dan kicap
Ikan, ayam, telur, daging atau alternatif daging seperti tauhu atau tempe.	Pelbagai masakan yang menggunakan ikan, ayam, telur, daging atau alternative daging seperti tauhu atau tempe.	1. Menyediakan hidangan dengan kaedah kukus 2. Menyediakan hidangan dengan kaedah rebus 3. Menyediakan hidangan dengan kaedah bakar/panggang 4. Menambah sayur- sayuran dalam masakan.
Kekacang	-	Menghidangkan sekurang - kurangnya 1 jenis masakan berasaskan kekacang.
Susu dan produk tenusu	1. Susu rendah lemak 2. Susu skim 3. Yogurt / dadih rendah lemak	Minuman disediakan menggunakan susu rendah lemak atau susu skim.

SPESIFIKASI

Kaedah Penghidangan Sihat:

- Menyediakan pilihan saiz hidangan yang lebih kecil bagi 1 jenis makanan yang melebihi 500 kcal
- Sayur tidak dimasak terlalu lama
- Sayur tidak dipotong terlalu halus
- Lebih banyak sayur ditambah dalam hidangan
- Daging dibuang lemak/ ayam dibuang kulit.
- Ikan, ayam dan daging tidak digoreng terlalu garing/ dipanggang hangus
- Minyak yang digunakan tidak berubah warna
- Menggantikan santan dengan susu rendah lemak dalam masakan bersantan.
- MSG/ stok segera tidak digunakan
- Sos untuk makanan barat/ salad dressing disediakan secara berasingan
- Sos/ kicap/ garam tambahan tidak disediakan di meja makan
- Makanan tidak terlalu manis
- Makanan tidak terlalu masin
- Makanan tidak terlalu berminyak
- Minuman tidak terlalu manis
- Menyediakan minuman kurang gula atas permintaan
- Turut menjual/menyediakan air mineral /air kosong



SYARAT LAYAK MEMOHON

Setelah langkah-langkah di atas dilaksanakan, pengusaha kafeteria bolehlah membuat permohonan bagi mendapat pengiktirafan sebagai Kafeteria Sihat. Syarat layak memohon adalah seperti berikut:

Semua pengusaha dan pengendali makanan telah:

- i. Menghadiri Kursus Pengendali Makanan.
- ii. Menghadiri Latihan Katering Sihat.
- iii. Mempunyai rekod sijil vaksinasi Tifoid.
- iv. Markah penilaian pemeriksaan premis (Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan/ Pihak Berkuasa Tempatan) adalah sekurang-kurangnya 86%.
- v. Mematuhi semua syarat-syarat wajib permohonan untuk pengiktirafan Kafeteria Sihat.

Pengusaha perlu menghantar Borang Permohonan Pengiktirafan Kafeteria Sihat seperti di Lampiran 4. Borang permohonan yang disediakan hendaklah dihantar kepada:

Pengarah

Bahagian Pemakanan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 1, Blok E3, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62590, Putrajaya

Tel : 03 – 8892 4556

Faks : 03 – 8892 4511

Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal Dan Pengiktirafan Kafeteria Sihat Kebangsaan (JTPKSK) bagi mendapat pengiktirafan sebagai Kafeteria Sihat.



KAWALAN KUALITI

Sebagai langkah-langkah kawalan kualiti, pengusaha Kafeteria Sihat hendaklah melaksanakan amalan kebersihan dan keselamatan makanan yang baik serta menjalankan Pemeriksaan Kendiri dari masa ke semasa. Bagi mengekalkan kualiti makanan, tahap kebersihan dan keberkesanan aktiviti promosi pemakanan, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia akan menjalankan pemeriksaan dan pemantauan secara berkala.

Pengusaha juga perlu memastikan setiap pekerja mengikuti Latihan Pengendali Makanan dan Latihan Katering Sihat bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai pemakanan dan keselamatan makanan.



SENARAI MAKANAN/ MINUMAN YANG DIGALAKKAN, TIDAK DIGALAKKAN DAN DILARANG UNTUK DIJUAL

Bagi memastikan penyediaan hidangan sihat di Kafeteria Sihat, terdapat bahan-bahan makanan/ minuman yang digalakkan, tidak digalakkan dan dilarang untuk dijual.

10.1 SENARAI MAKANAN/ MINUMAN YANG DIGALAKKAN UNTUK DIJUAL

- Air kosong
- Buah-buahan segar
- Ulam-ulaman
- Bijirin dan hasil bijirin penuh seperti nasi beras perang dan biskut bijirin penuh oat
- Jus sayur seperti lobak merah, jus peria, jus pegaga, jus timun + seleri
- Jus buah-buahan segar
- Sambal pudina
- Yogurt/ dadih rendah lemak
- Susu rendah lemak
- Susu kacang soya (bukan minuman kacang soya)
- Makanan berasaskan kekacang seperti
- tempe, tauhu, atau taukua
- Jagung rebus asli (tongkol)
- Kacang rebus berkulit



10.2 SENARAI MAKANAN/ MINUMAN YANG TIDAK DIGALAKKAN UNTUK DIJUAL

- Konfeksi Ais seperti 'ais krim malaysia'
- Makanan segera seperti roti canai segera
- Makanan dalam tin
- Kek dan Donut yang mempunyai kandungan gula yang tinggi
- Kordial dan sirap



10.3 SENARAI MAKANAN/ MINUMAN YANG DILARANG UNTUK DIJUAL

- Makanan /minuman yang melanggar Akta Makanan 1983
- Makanan dan minuman yang melanggar Peraturan-Peraturan Makanan 1985 seperti makanan yang melampaui tarikh luput.
- Jenis-jenis makanan yang telah dijeruk sama ada masam, masin atau manis, basah atau kering seperti asam masin, jeruk mangga, kulit limau dan jeruk bawang.
- Makanan ringan yang mengandungi bahan perisa atau pewarna.
- Minuman atau minuman berkarbonat yang hanya mengandungi gula, bahan perisa, dan pewarna tiruan.
- Minuman pra campur (contoh : minuman 3 dalam 1)
- Makanan terproses iaitu daging *burger*, sosej dan *nugget*.
- Mi segera.
- Makanan yang berkrim atau bersalut gula.
- Makanan dan minuman beralkohol.
- Gula-gula (kecuali gula – gula berubat)





KRITERIA PENARIKAN BALIK

- I. Markah penilaian pemeriksaan premis oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) atau pihak berkuasa Tempatan (PBT) adalah kurang dari 86% (selepas pemeriksaan kali kedua/ pemantauan dilakukan).
- II. Tidak mematuhi prinsip Amalan Pengilang Yang Baik (GMP).
- III. Markah Pemantauan Kafeteria Sihat Kurang daripada 80% (selepas pemeriksaan kali kedua/ pemantauan dilakukan).
- IV. Menjual rokok atau menyediakan kemudahan merokok.



PERANAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Peranan di peringkat kebangsaan:

- i. Memberi taklimat dan khidmat nasihat teknikal kepada Jabatan Kesihatan Negeri dan pengusaha.
- ii. Menilai dan meluluskan permohonan pengiktirafan Kafeteria Sihat.
- iii. Memperakui Kafeteria Sihat dengan mengeluarkan sijil pengiktirafan bagi kafeteria yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JTPKSK.
- iv. Menarik balik pengiktirafan Kafeteria Sihat berpandukan kriteria penarikan semula pengiktirafan Kafeteria Sihat yang telah ditetapkan berdasarkan laporan pemantauan berkala setiap setahun sekali.
- v. Memberi bantuan teknikal dalam penyediaan bahan promosi atau mebekalkan bahan-bahan promosi kesihatan yang bersesuaian.
- vi. Memberi khidmat nasihat teknikal keselamatan makanan di premis Kafeteria Sihat.
- vii. Menjalankan penilaian dan pemantauan aspek pemakanan sihat dan kebersihan premis setahun sekali.
- viii. Menjalankan penilaian dan pemantauan keberkesanan Kafeteria Sihat.
- ix. Membantu mempromosikan Kafeteria Sihat melalui pelbagai media seperti laman-laman web, kempen-kempen kesihatan dan buletin kesihatan.

Peranan di peringkat negeri/ daerah:

- i. Menilai dan memperakukan kebersihan premis mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- ii. Menjalankan Latihan Katering Sihat atau kursus-kursus berkaitan pemakanan dan keselamatan makanan kepada pengusaha, pengendali dan pembekal makanan.
- iii. Memberi bantuan teknikal dalam penyediaan bahan promosi atau membekalkan bahan-bahan promosi kesihatan yang bersesuaian.
- iv. Memberi khidmat nasihat teknikal keselamatan makanan di premis Kafeteria Sihat.
- v. Menjalankan penilaian dan pemantauan aspek pemakanan sihat dan kebersihan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.
- vi. Membantu mempromosikan Kafeteria Sihat melalui pelbagai media seperti laman web, kempen-kempen kesihatan dan buletin kesihatan.



PERANAN PENGUSAHA KAFETERIA

Pengusaha makanan yang akan melaksanakan Kafeteria Sihat mestilah:


- i. Menyediakan prasarana Kafeteria Sihat iaitu tapak/ ruang niaga, tenaga kerja termasuk professional pemakanan, dan peruntukan kewangan.
- ii. Mengikuti Latihan Pengendali Makanan dan Latihan Katering Sihat yang diiktiraf oleh KKM.
- iii. Memastikan semua pengendali makanan di kafeteria masing-masing menjalani pemeriksaan kesihatan untuk pengendali makanan.
- iv. Memohon untuk mendapatkan pengiktirafan Kafeteria Sihat dengan menghantar borang permohonan pengiktirafan Kafeteria Sihat seperti di Lampiran 4.
- v. Menjalankan aktiviti pemasaran bagi mempromosikan Kafeteria Sihat mereka.
- vi. Memastikan harga makanan yang dijual adalah berpatutan dan standing dengan harga makanan di premis-premis lain.
- vii. Memaklumkan kepada JTPKSK jika berpindah premis.
- viii. Membuat permohonan semula sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tamat tempoh pengiktirafan.




CARTA ALIR PENGIKTIRAFAN KAFETERIA SIHAT

Kumpulan Sasar :

1. Kafeteria di Fasilitas Kesehatan Kementerian Kesehatan Malaysia (KKM)
2. Kafeteria bukan di bawah KKM



1 daripada 3



G

Pegawai Sains (Pemakanan) merujuk Bahagian atau Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan yang berkenaan untuk pengiktirafan BeSS secara *Fast-Track*

F

Surat, Sijil Pengiktirafan dan Plak Kafeteria Sihat diberikan.
(*sah selama 2 tahun dari tarikh pengiktirafan*)

H

Pemantauan oleh Pegawai Sains (Pemakanan) Jabatan Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan yang berkenaan 6 bulan sekali dari tarikh pengiktirafan. Pemantauan dilakukan dengan menggunakan Borang KS/2KKM-Pindaan 1/2016 sebagai rujukan dan alat pemantauan

I

Permohonan Pengiktirafan semula dibuat oleh pengusaha kafeteria
(*selewat-lewatnya 3 bulan sebelum tamat tempoh sah pengiktirafan*)

A

RUJUKAN

- AVA's guidelines on application of Food Processing Establishment License.
- Choices International Foundation.
- Code of Practise for Cooked Peeled Prawn.
- Current Good Manufacturing Practise (CGMP). Part 110 of Code of Federal Regulations. USFDA.
- Food Act 1983 and Food Regulations 1985. Malaysia.
- Food Hygiene Basic Texts. Codex Alimentarius. Third Edition. 2003.
- Guidelines for Good Manufacturing Practice in Small and Medium Scale Industry. 1997.
- Guidelines on Good Hygiene Practices for Small and Medium Scale Food Industries Towards HACCP. 2002.
- Malaysian Dietary Guidelines, 2010.
- Malaysian Standard MS 1514:2001. General Principles of Food Hygiene.
- Recommended Nutrient Intakes for Malaysia (RNI), 2005.
- Report of the 34th Session of the Codex Committee on Food Hygiene, 2001, Codex Alimentarius Commission.

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL & PENGIKTIRAFAN KAFETERIA SIHAT KEBANGSAAN

Penasihat	Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Pengerusi	Pengarah Bahagian Pemakanan
Setiausaha	Ketua Penolong Pengarah Kanan (Promosi Pemakanan)
Ahli	Ketua Penolong Pengarah (Promosi Pemakanan Dewasa) Penolong Pengarah (Kafeteria Sihat) Wakil Bahagian Keselamatan Kualiti Makanan Wakil Bahagian Kawalan Penyakit
Ahli Jemputan	Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri* Lain-lain ahli jawatankuasa yang berkenaan **

Terma Rujukan:

- Menentukan hala tuju dan perkembangan Kafeteria Sihat di peringkat kebangsaan.
 - Membuat keputusan terhadap penilaian pengiktirafan Kafeteria Sihat yang dijalankan oleh Pasukan Penilai Kafeteria Sihat Negeri.
 - Mengenal pasti dan mengkaji isu berbangkit dalam pelaksanaan Kafeteria Sihat dan mengesyorkan penambahbaikan.
 - Memastikan aktiviti Kafeteria Sihat dilaksana, dipantau dan dinilai.
 - Mengenal pasti peranan dan sumbangan agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta mewujudkan kolaborasi antara agensi.
- * Hanya Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri yang berkenaan yang terlibat dalam pengiktirafan Kafeteria Sihat akan dilantik sebagai ahli jawatankuasa.
- ** Contoh: Pegawai Dietetik (bagi *setting* hospital) yang terlibat dalam pengiktirafan Kafeteria Sihat akan dilantik sebagai ahli jawatankuasa.

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL & PENGIKTIRAFAN

KAFETERIA SIHAT NEGERI

Pengerusi	Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Setiausaha	Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri
Ahli	Pengarah Hospital Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan) Pegawai Kesihatan (Penyakit Tidak Berjangkit) Pegawai Pendidikan Kesihatan Negeri Pegawai/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Negeri Pegawai Kesihatan Daerah Pihak Berkuasa Tempatan

Terma Rujukan:
